

26 APR 2002

Samy Vellu-Perhimpunan

PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC PADA 19 MEI

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Perhimpunan Agung MIC Ke-56 akan dirasmikan pada 19 Mei walaupun perhimpunan bermula sehari lebih awal, kata Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Samy Vellu berkata, ini kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan merasmikan perhimpunan itu hanya akan pulang dari lawatan luar negara pada malam 18 Mei.

Perhimpunan yang akan berlangsung di Shah Alam itu seperti lazimnya akan membincangkan laporan tahunan dan pembentangan resolusi yang merangkumi isu ekonomi, pendidikan, sosial dan agama.

Samy Vellu berkata perhimpunan kali ini akan menyaksikan pindaan perlembagaan parti yang membolehkan presiden dipilih oleh ketua-ketua cawangan berbanding 22 ahli jawatankuasa cawangan sebelum ini.

"Seseorang ketua cawangan boleh bertanding jawatan presiden jika mendapat pencalonan daripada 50 cawangan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat lebih tiga jam Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) di ibu pejabat parti di sini.

Mengenai kutipan tabung pembinaan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST), Samy Vellu berkata setakat ini lebih RM12 juta telah dikumpulkan dengan RM5.5 juta melalui cawangan MIC dan selebihnya usaha beliau sendiri.

Menurut beliau melalui lebih 20 jamuan makan dan program lain sejumlah RM7 juta lagi dijangka dapat dikumpul menjelang Ogos ini bagi pembinaan institut itu yang dikendalikan oleh MIC.

Universiti bernilai RM430 juta itu sedang dibina di Samling, Kedah kira-kira lima kilometer dari Sungai Petani.

Seramai 250 pelajar sudah mendaftar untuk mengikuti program matrikulasi dan 50 pelajar lagi untuk mengikuti tahun pertama pengajian perubatan di kampus sementara juga di Sungai Petani.

Samy Vellu berkata 60 peratus pembinaan akan siap pada Oktober ini dan pembinaan sepenuhnya pada bulan Mac tahun depan.

-- BERNAMA

RV AHH PR